

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



Oleh: Ahmad Faisal Mahdi, Siti Farah Lajim



Pemenang BPiP 2019

Fundamentals of Entrepreneurship (ENT300) merupakan antara kod kursus yang paling terkenal di dalam sistem UiTM. Kod ini akan diduduki oleh semua pelajar UiTM dari semua program diploma. Ia merupakan satu perjuangan UiTM bagi mendidik para pelajar untuk berani menceburi dunia perniagaan sebagai pilihan karier. Setiap semester, para pelajar akan menjana idea untuk produk atau perkhidmatan bagi kumpulan mereka dan akan membentangkan hasil kerja pada pensyarah di akhir semester. Di kampus Mukah, idea dan pembentangan ini telah dianjak ke satu aras lebih tinggi dengan mengadakan *Business Pitching and Idea Presentation (BPiP)* di mana para juri dari pelbagai bidang akan dilantik untuk membantu tenaga pengajar dari Fakulti Pengurusan Perniagaan untuk menilai sejauh mana idea produk dan perkhidmatan para pelajar mempunyai nilai kebolehpasaran. Semester ini, sejumlah 53 kumpulan melibatkan 200 lebih orang pelajar tahun akhir menyertainya dan idea terbaik datangnya dari program Diploma Pengurusan Ladang (AT110) di bawah selian Encik Haji Ahmad Faisal Bin Haji Mahdi.

Satu program kemasyarakatan hasil kolaborasi 3 buah persatuan di bawah Pusat Pengajian Perladangan dan Sains Kesihatan telah diadakan dengan jayanya di Sekolah Kebangsaan Pulau Seduku, Sri Aman pada 12 hingga 14 April 2019. Inisiatif ini telah diambil untuk memberi pendedahan dan perkongsian tentang Sains dan Teknologi kepada penduduk tempatan, yakni dalam bidang kesihatan diri dan persekitaran serta Perladangan dan Agroteknologi. Program selama 3 hari 2 malam ini melibatkan 5 orang pensyarah serta 40 pelajar di bawah Pusat Pengajian Perladangan dan Sains Kesihatan. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memupuk minat murid-murid sekolah rendah terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) di samping memupuk semangat belajar dikalangan mereka. Selain itu, program ini juga memberi manfaat kepada ibu bapa terhadap kesedaran bidang STEM.

Pulau Seduku Community Outreach Program



PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI UiTM CAWANGAN SARAWAK KAMPUS MUKAH

Oleh: Noriham Bujang

Program MDAB (Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa) telah melalui proses penjenamaan semula dan kini dikenali sebagai Program Pra Pendidikan Tinggi (PPPT). Antara matlamat murni PPPT adalah untuk merealisasikan impian anak-anak bumiputera untuk bergelar mahasiswa universiti. Program ini membantu anak-anak bumiputera yang mungkin tidak memenuhi syarat akademik untuk meneruskan pengajian ke peringkat diploma atau mereka yang kurang mampu dari segi kewangan untuk meneruskan impian ke menara gading. Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk pelajar-pelajar pra diploma sepanjang satu semester di UiTM seluruh Malaysia. Pelajar-pelajar pra diploma UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah juga tidak ketinggalan dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang bermanfaat. Para pelajar telah diberikan Taklimat Motivasi yang sangat bertenaga oleh Profesor Madya Dr. Aini Jaapar, Pengarah PPPT UiTM. Para pelajar juga diberikan Taklimat Khas Penerapan ke Peringkat Diploma dan Taklimat Motivasi Peperiksaan Akhir di mana para pelajar diajar cara-cara yang betul untuk memohon program penerapan ke peringkat diploma dan cara-cara yang betul untuk menghadiri sesi temuduga. Majlis Inspirasi dan Kecemerlangan juga telah diadakan bagi meraikan semua pelajar pra diploma. Hadiah galakan berserta sijil juga disampaikan kepada pelajar-pelajar pra diploma yang dijangka cemerlang bagi sesi September 2019.

Ramai pelajar lepasan pra diploma yang telah berjaya menyambung pengajian sehingga ke peringkat pascasiswazah termasuk juga pelajar-pelajar lepasan pra diploma UiTM Cawangan Sarawak telah membuktikan kejayaan PPPT. Oleh itu, diharapkan pada masa akan datang PPPT akan terus mendapat sambutan dan dapat membantu lebih ramai anak-anak bumiputera di seluruh Malaysia untuk berjaya.



Gambar: Pelajar cemerlang PPT



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578

